



**MESYUARAT JAWATANKUASA AKADEMIK PENGAJIAN SISWAZAH UNIVERSITI (JAPSU)
BIL 6 2014/2015**

TARIKH : 23 FEBRUARI 2015 (ISNIN)
MASA : 9.00 PAGI
TEMPAT : BILIK KULIAH 3, SPS, UTM JB DAN
BILIK MESYUARAT SPS KL, MENARA RAZAK, UTM KL

KEHADIRAN UTM JB

S/K

1.	Prof. Dr. Zaidatun Binti Tasir	• Dekan SPS/ PENGERUSI	6/6
2.	Prof. Madya Dr. Intan Zaurah binti Mat Darus	• Fakulti Kejuruteraan Mekanikal	3/6
3.	Prof. Madya Dr. Yusof bin Munajat	• Fakulti Sains	6/6
4.	Dr. Azlina binti Mohd. Kosnin	• Fakulti Pendidikan	6/6
5.	Dr. Abdul Halim bin Abdullah	• Fakulti Pendidikan	1/1
6.	Dr. Khairiah binti Soehod	• Fakulti Pengurusan	4/6
7.	Prof. Ir. Dr. Mohd Wazir bin Mustafa	• Fakulti Kejuruteraan Elektrik	3/6
8.	Prof. Dr. Mohamad Kamal bin A. Rahim	• Fakulti Kejuruteraan Elektrik	5/6
9.	Prof. Madya Dr. Norhaliza binti Abd Wahab	• Fakulti Kejuruteraan Elektrik	1/1
10.	Dr. Hasrinah binti Hasbullah	• Fakulti Kejuruteraan Petroleum dan Tenaga diPerbaharui	4/6
11.	Prof. Madya Dr. Zulkepli bin Majid	• Fakulti Geoinformasi dan Harta Tanah	3/6
12.	Prof. Dr. Hishamuddin bin Mohd Ali	• Fakulti Geoinformasi dan Harta Tanah	3/6
13.	Prof. Dr. Habibollah bin Haron	• Fakulti Komputeran	1/1
14.	Prof. Madya Dr. Norafida binti Ithnin	• Fakulti Komputeran	1/1
15.	Prof. Madya Dr. Abdul Razak bin Rahmat	• Fakulti Kejuruteraan Kimia	4/6
16.	Prof. Madya Dr. Nazri bin Ali	• Fakulti Kejuruteraan Awam	6/6
17.	Prof. Madya Dr. Norhazilan bin Md Noor	• Fakulti Kejuruteraan Awam	2/6
18.	Prof. Madya Dr. Redzuan bin Abdullah	• Fakulti Kejuruteraan Awam	1/1
19.	Prof. Madya Dr. Azizah binti Rajab	• Akademi Bahasa	6/6
20.	Prof. Madya Dr. Foziah binti Johar	• Fakulti Alam Bina	4/6
21.	Prof. Dr. Othman bin Che Puan	• SRAD	1/6
22.	Prof. Dr. Safian bin Sharif	• Sekolah Pengajian Siswazah	6/6
23.	Prof. Madya Dr. Ismail bin Said	• Sekolah Pengajian Siswazah	3/6
24.	Prof. Madya Dr. Aminah Yusof	• Sekolah Pengajian Siswazah	5/6
25.	Dr. Mohd. Shahizan bin Othman	• Sekolah Pengajian Siswazah	6/6

KEHADIRAN UTM KL (SIDANG VIDEO)

1.	Prof. Madya Dr. Shreeshivadasan a/l Chelliapan	• Sekolah Pengajian Siswazah KL	6/6
2.	Prof. Madya Dr. Khairur Rijal bin Jamaludin	• UTM RAZAK	4/6
3.	Prof. Madya Dr. Norihan binti Abu Hassan	• UTM PERDANA	6/6

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

1.	Prof. Madya Dr. Azlan bin Mohd Zain	• Fakulti Komputeran	0/1
2.	Dr. Muhammad Shukor bin Talib	• Fakulti Komputeran	0/1
3.	Prof. Madya Dr. Muhammad Sukri bin Saud	• Fakulti Pendidikan	3/6

4.	Dr. Norasykin binti Mohd Zaid	• Fakulti Pendidikan	1/1
5.	Prof. Dr. Mohd Rosli bin Hainin	• Fakulti Kejuruteraan Awam	1/1
6.	Prof. Madya Dr. Nor'Aini binti Aris	• Fakulti Sains	4/6
7.	Prof. Madya Dr. Zainab binti Ramli	• Fakulti Sains	4/6
8.	Prof. Dr. Mohd Hasbullah bin Hj. Idris	• Fakulti Kejuruteraan Mekanikal	1/1
9.	Prof. Madya Dr. Wong Kuan Yew	• Fakulti Kejuruteraan Mekanikal	1/1
10.	Prof. Madya Dr. Khalil bin Md. Nor	• Fakulti Pengurusan	1/6
11.	Prof. Madya Dr. Mohammad Rafee bin Majid	• Fakulti Alam Bina	4/6
12.	Prof. Dr. Azeman bin Mustafa	• Fakulti Kejuruteraan Petroleum dan Tenaga diPerbaharui	4/6
13.	Prof. Dr. Fahrul Zaman bin Huyop	• Fakulti Biosains dan Kejuruteraan Bioperubatan	2/6
14.	Dr. Siti Pauliena binti Mohd Bohari	• Fakulti Biosains dan Kejuruteraan Perubatan	3/4
15.	Dr. Azli bin Yahaya	• Fakulti Biosains dan Kejuruteraan Bioperubatan	3/6
16.	Dr. Shah Rollah bin Abdul Wahab	• Fakulti Pengurusan	0/6
17.	Dr. Muhammad Nadzir bin Marsono	• Fakulti Kejuruteraan Elektrik	3/6
18.	Prof. Dr. Mohd Ghazali bin Mohd Nawawi	• Fakulti Kejuruteraan Kimia	3/6
19.	Prof. Madya Dr. Ramli bin Awang	• Fakulti Tamadun Islam	4/6
20.	Dr. Ahmad Muhyuddin bin Hj. Hassan	• Fakulti Tamadun Islam	1/6
21.	Prof. Dr. Nor Haniza binti Sarmin	• Sekolah Pengajian Siswazah	3/6
22.	Prof. Dr. Ezzat Chan bin Abdullah	• UTM MJIIT	1/2
23.	Dr. Ooi Chia Yee	• UTM MJIIT	5/6
24.	Prof. Dr. Azizah binti Abdul Manaf	• UTM AIS	2/6
25.	Dr. Rosmah binti Ali	• UTM AIS	0/6
26.	Dr. Rossilah binti Jamil	• UTM IBS	2/6
27.	Dr. Rohaida binti Basiruddin	• UTM IBS	1/6
28.	Prof. Madya Dr. Zalina binti Mohd Daud	• UTM RAZAK	4/6
29.	En. Asram bin Sulaiman	• Sekolah Pengajian Siswazah	5/6
30.	Puan Hajah Faridah binti Aziz	• AMD	5/6

TURUT HADIR

1.	Dr. Mohamed Sukri bin Mat Ali	• UTM MJIIT
2.	Dr. Roslina binti Ibrahim	• UTM AIS
3.	Puan Siti Rahmah Othman	• UTM IBS
4.	Puan Nor Hakimi binti Karsono	• SPS KL
5.	Che Noorlia binti Shaari	• SRAD
6.	Hajah Nor Azlinda binti Abu Bakar	• AMD
7.	Puan Intan Shahnaz binti Zulkifli	• AMD
8.	Cik Norazlina binti Azizi	• AMD
9.	Puan Sabrena binti Omar	• Urusetia
10.	Cik Nor Aishah bt Mahdi	• Urusetia
11.	Cik Nor Diyana bt Zakariya	• Urusetia
12.	Puan Didy Zuraini binti Md. Noor	• Urusetia
13.	En. Muhammad Azizi bin Omar	• Urusetia
14.	En. Muhammad Syahmi Shafi'i	• Urusetia
15.	Cik Syafiqah binti Abdul Jalil	• Urusetia
16.	Puan Norlida binti Sajimin	• Urusetia

1.0 ALUAN Pengerusi

- 1.1 Pengerusi mengucapkan terima kasih di atas kehadiran semua dan memulakan mesyuarat dengan bacaan surah Al-Fatihah.

Makluman

- 1.2 Pengerusi merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada semua pentadbir yang telah tamat tempoh pelantikan sebagai Pentadbir Akademik di fakulti dan seterusnya tamat tugasnya sebagai ahli JAPSU. Bagi Fakulti Komputeran, Prof. Madya Dr. Siti Zaiton bt. Mohd Hashim diganti dengan Prof. Dr. Habibollah bin Haron, Prof. Madya Dr. Subariah binti Ibrahim diganti dengan Prof. Madya Dr. Norafida binti Ithnin. Selain itu, terdapat dua lantikan baharu bagi Fakulti Komputeran iaitu Prof. Madya Dr. Azlan bin Mohd Zain sebagai Penyelaras Penyelidikan dan Dr. Muhammad Shukor bin Talib sebagai Penyelaras Kerja Kursus.

Bagi Fakulti Kejuruteraan Elektrik, Prof. Ir. Dr. Mohd Wazir bin Mustafa, Prof. Dr. Mohamad Kamal bin A. Rahim dan Dr. Muhammad Nadzir bin Marsono masih kekal sebagai ahli JAPSU. Prof. Madya Dr. Norhaliza binti Abd Wahab pula menggantikan Prof. Dr. Mohd. Fua'ad bin Rahmat yang telah dilantik menjadi Dekan SPACE. Pengerusi mengucapkan tahniah kepada Prof. Dr. Mohd. Fua'ad bin Rahmat di atas perantikan tersebut.

Bagi Fakulti Kejuruteraan Awam, Prof. Ir. Dr. Mohd Hanim bin Osman digantikan dengan Prof. Dr. Mohd Rosli bin Hainin, Dr. Rosli bin Noor Mohamed digantikan dengan Prof. Madya Dr. Redzuan bin Abdullah manakala Prof. Madya Dr. Nazri bin Ali dan Prof. Madya Dr. Norhazilan bin Md. Noor kekal sebagai ahli JAPSU.

Pengerusi juga mengucapkan tahniah kepada Prof. Ir. Dr. Mohd Hanim bin Osman, Prof. Dr. Othman bin Che Puan dan Prof. Dr. Fahrul Zaman bin Huyop yang telah dinaikkan pangkat ke jawatan Profesor gred VK7.

Bagi Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, Prof. Dr. Musa bin Mailah digantikan dengan Prof. Dr. Mohd Hasbullah bin Hj. Idris, Prof. Madya Dr. Masine bt. Md. Tap telah tamat lantikannya digantikan dengan Prof. Madya Dr. Intan Zaurah binti Mat Darus yang juga ahli JAPSU manakala Prof. Madya Dr. Mohd Zarhamdy bin Md Zain pula digantikan dengan Prof. Madya Dr. Wong Kuan Yew.

Bagi Fakulti Pendidikan Prof. Madya Dr. Muhammad Sukri bin Saud dan Dr. Azlina binti Mohd. Kosnin masih kekal sebagai ahli JAPSU. Dr. Sarimah binti Ismail digantikan dengan Dr. Norasykin binti Mohd Zaid dan Dr. Aede Hatib bin Musta'amal @Jamal digantikan dengan Dr. Abdul Halim bin Abdullah.

Bagi Fakulti Kejuruteraan Petroleum dan Tenaga diPerbaharui, Fakulti Kejuruteraan Kimia, Fakulti Geoinformasi dan Harta Tanah, Fakulti Biosains dan Kejuruteraan Bioperubatan, Fakulti Alam Bina, Fakulti Pengurusan, Fakulti Tamadun Islam, UTM Razak, AIS, Perdana School, MJIIT dan IBS ahlinya masih sama.

Fakulti Sains terdapat perubahan iaitu Timbalan Dekan (Akademik) Prof. Dr. Wan Aini binti Wan Ibrahim telah tamat lantikannya dan sehingga kini belum

ada lantikan baharu. Prof. Madya Dr. Yusof bin Munajat dan Prof. Madya Dr. Zainab bin Ramli masih kekal dengan jawatan sebagai Pentadbir Akademik.

Prof. Madya Dr. Zaidah binti Zainal dari Akademi Bahasa sedang bercuti sabatikal dan Prof. Madya Dr. Azizah binti Rajab masih kekal.

Makluman

- 1.3 Pengerusi mohon AMD menganjurkan Kursus Pengurusan Pengajian Siswazah untuk pentadbir baharu dan sedia ada bagi melihat semula urusan pengajian siswazah. Menurut pengerusi lagi, perbelanjaan untuk kursus tersebut boleh dibuat bersama UTMLead. AMD juga disaran untuk berbincang dengan TP SPS berhubung perkara ini.

Tindakan : AMD

- 1.4 Berhubung penjenamaan semula Penyelaras Akademik Penyelidikan dan Kerja Kursus, pengerusi memohon agar urusetia mendapatkan terma rujukan (TOR) daripada Pejabat Timbalan Naib Canselor (A & A).

Tindakan : SPS

- 1.5 Mesyuarat Senat Bil. 9/2014/2015 pada 18 Februari 2015 berhubung Kertas Kerja Cadangan Pindaan Peraturan Akademik Berkaitan Pelantikan Pemeriksa Tesis Bagi Program Kedoktoran UTM telah memaklumkan bahawa MQA bersetuju untuk mengekalkan peraturan sedia ada.

Makluman

- 1.6 Pengerusi memaklumkan *fast track* akan dilaksanakan semula pada tahun ini dan QRIM akan memaklumkan perkara ini kepada MQA. Pelajar-pelajar yang terpilih akan didaftarkan dalam program sarjana terlebih dahulu dan diberi kod khas. Pelajar-pelajar ini kemudiannya akan ditukarkan ke program PhD pada pertengahan atau penghujung semester pertama dengan beberapa kaedah dan tiada syarat penerbitan. AMD kemudiannya akan mengeluarkan surat untuk conversion mereka ke MyPhd, ini bertujuan untuk membantu pelajar mendapatkan penajaan. Sehubungan itu, fakulti diminta mengenalpasti pelajar-pelajar Sarjana Muda yang mendapat CGPA 3.75 ke atas dan menghantar nama pelajar ke SRAD.

Tindakan : AMD & SRAD

- 1.7 Pengerusi meminta fakulti membuat Buku Panduan Research Methodology mengikut bidang masing-masing pada tahun ini. Fakulti yang telah ada buku panduan tersebut diminta menghantarnya ke SPS untuk tujuan rujukan.

Tindakan : Fakulti

- 1.8 Pengerusi membentangkan Jadual Kerja dan Proses Pelaksanaan Pemilihan Calon Anugerah Akademik Majlis Konvokesyen UTM Ke-54. Pelajar yang akan digraduankan dalam JKTS (Peperiksaan & Pengijazahan) pada 17 Mac 2015 dibenarkan memohon sebelum 22 Mac 2015. SPS akan membuat pemakluman kepada pelajar.

Tindakan : SPS

- 1.9 Pengerusi membentangkan Perangkaan Graduan Doktor Falsafah Bulan Februari 2015. GOT MYRAII bagi pelajar tempatan ialah seramai 2 orang manakala pelajar antarabangsa pula seramai 13 orang. Bagi GOT KPM, pelajar tempatan seramai 3 orang manakala pelajar antarabangsa seramai 13 orang.

Makluman

- 1.10 Pengerusi juga membentangkan Perangkaan Dan Analisis GOT Graduan Doktor Falsafah 2015. Bagi bulan Januari seramai 53 orang graduan telah GOT (MYRAII dan KPM) dan pada bulan Februari pula seramai 37 orang graduan telah GOT (MYRAII dan KPM). Fakulti diminta membentangkan statistik GOT mengikut fakulti dalam mesyuarat JAPSU yang akan datang.

Tindakan : Fakulti

- 1.11 Pengerusi turut membentangkan tarikh pertandingan 3MT Peringkat Fakulti Tahun 2015.

Makluman

2.0 MELULUSKAN MINIT MESYUARAT JAPSU BIL 6 2014/2015

- 2.1 Mesyuarat bersetuju memperakukan dan meluluskan minit mesyuarat JAPSU Bil. 6 2014/2015.

Makluman

3.0 PERAKUAN PELANTIKAN PEMERIKSA TESIS PELAJAR DOKTOR FALSAFAH

- 3.1 Mesyuarat meneliti serta memperakukan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Doktor Falsafah.

Makluman

4.0 PERAKUAN PELANTIKAN PEMERIKSA TESIS PELAJAR SARJANA (MAKLUMAN)

- 4.1 Mesyuarat meneliti serta memperakukan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Sarjana.

Makluman

5.0 PERMOHONAN PEMBAHARUAN NOTIS HANTAR TESIS

5.1 ZULKIFLI BIN ABDUL MAJID

Mesyuarat meluluskan permohonan pembaharuan Notis Hantar Tesis Zulkifli bin Abdul Majid.

Makluman

5.2 ABUBAKAR MUHAMMAD UMARU

Mesyuarat meluluskan permohonan pembaharuan Notis Hantar Tesis Abubakar Muhammad Umaru.

Makluman

6.0 PERMOHONAN PERLANJUTAN MENGHANTAR PEMBETULAN TESIS

6.1 ARSHAD BIN AB. RASID

Mesyuarat meluluskan permohonan perlanjutan menghantar pembetulan tesis Arshad bin Ab. Rasid.

Makluman

6.2 UMEE NOR AYUNIZA BINTI ABD GHANI

Mesyuarat meluluskan permohonan perlanjutan menghantar pembetulan tesis Umee Nor Ayuniza binti Abd Ghani.

Makluman

7.0 LAPORAN BAHAGIAN REKRUTMEN & PENGAMBILAN MAHASISWA (SRAD)

- 7.1 SRAD membentangkan Laporan Bahagian Rekrutment & Pengambilan Mahasiswa (SRAD). Statistik pengambilan menunjukkan penurunan yang agak ketara. Sehubungan itu, Pengerusi mohon SRAD menyediakan data pengambilan daripada tahun 2000 sehingga sekarang.

Tindakan : SRAD

- 7.2 Selain itu, mesyuarat juga dimaklumkan bahawa yuran pengajian yang mahal di UTM juga antara penyebab penurunan statistik pengambilan. Menurut Pengerusi, UTM tidak akan menurunkan atau menaikkan yuran dalam masa terdekat ini dan kebanyakan pelajar tempatan mempunyai penaja.

Makluman

- 7.3 Pengerusi memohon SRAD mengadakan mesyuarat dengan fakulti bagi membincangkan tentang pengambilan pelajar.

Tindakan : SRAD

- 7.4 SRAD diminta menganjurkan kursus pengurusan pengambilan untuk kerani dan juga pentadbir.

Tindakan : SRAD

- 7.5 Fakulti Pendidikan telah menghantar senarai pencalonan untuk Kursus Penyeliaan kepada Sekolah Pengajian Siswazah.

Tindakan : SPS

8.0 PERMOHONAN PERLANTIKAN PEMERIKSA DALAM BARU

8.1 SAMAN SHOJAE CHAEIKAR

Mesyuarat meluluskan permohonan perlantikan Pemeriksa Dalam baharu Saman Shojae Chaeikar.

Makluman

9.0 PERMOHONAN PENGURANGAN YURAN STAF

Mesyuarat meluluskan permohonan pengurangan yuran staf.

Makluman

10.0 HAL-HAL LAIN

10.1 PELAJAR UTM TIDAK BOLEH MENDAFTAR SEMASA HARI PENDAFTARAN

Mesyuarat dimaklumkan bahawa terdapat pelajar UTM yang tidak dapat mendaftar semasa pendaftaran di Kuala Lumpur. Ini kerana pelajar tidak membawa surat Senat bersama sepertimana yang diminta di dalam surat tawaran. Menurut SRAD lagi, pendaftaran secara *manual* tidak dapat mengesan sama ada pelajar ada berhutang dengan UTM atau pun tidak. Sehubungan itu, SRAD diminta membekalkan fakulti senarai nama pelajar yang telah ditawarkan untuk fakulti mengambil tindakan lanjut.

Tindakan : SRAD

11.0 PENUTUP

- 11.1 Mesyuarat ditangguhkan pada jam 1.00 tengahari dan disudahi dengan surah Al-Asr dan Tasbih Kifarah.

Disediakan oleh:

PN. SABRENA BINTI OMAR
Penolong Pendaftar Kanan
Bahagian Penyelidikan & Biasiswa
Sekolah Pengajian Siswazah

Disemak oleh:

EN. ASRAM BIN SULAIMAN
Timbalan Pendaftar
Sekolah Pengajian Siswazah